

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN
(AMPANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.10.2015

Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada ekonomi negara sedang bergerak ke arah yang lebih baik atau tidak memandangkan negara sedang mengalami kejatuhan rizab antarabangsa dan nilai Ringgit yang dahsyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ekonomi Malaysia kekal kukuh walaupun dalam persekitaran luar yang tidak menentu termasuk kejatuhan harga minyak mentah dunia, volitiliti

pasaran kewangan, penyusutan nilai ringgit serta kelembapan ekonomi serantau. Dalam tempoh separuh pertama 2015, ekonomi negara mencatat pertumbuhan KDNK benar 5.3% disokong oleh pengukuhan permintaan domestik, terutamanya perbelanjaan sektor swasta. Dari sudut penawaran, pertumbuhan disokong oleh perkembangan menyeluruh daripada semua sektor ekonomi.

2. Sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka, ekonomi Malaysia terdedah kepada pelbagai risiko di peringkat global. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil pelbagai usaha dan langkah strategik bagi memastikan keadaan ekonomi negara berada pada landasan pertumbuhan yang disasarkan. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Kerajaan telah melaksanakan perubahan struktur bagi mempelbagaikan ekonomi dan memperkukuh sistem kewangan bagi meningkatkan daya tahan untuk menghadapi cabaran luar. Kerajaan memberi penekanan kepada usaha termasuk, memperkukuh sumber pertumbuhan seperti menerokai pasaran eksport baru; meningkatkan peralihan kepada aktiviti nilai tambah tinggi; meliberalisaikan sektor perkhidmatan; meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi; serta merancakkan permintaan dalam negeri bagi mengurangkan kesan kelembapan permintaan luar.

3. Tambahan pula, asas makroekonomi yang berdaya tahan serta rizab antarabangsa yang kukuh mampu menyokong pertumbuhan ekonomi serta menjadi penampan terhadap kejutan ekonomi global. Pada 30 September 2015, kedudukan rizab antarabangsa negara meningkat RM415.1 bilion atau USD93.3 bilion yang mencukupi untuk menampung 8.6 bulan import tertangguh dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek berbanding 28 Ogos 2015 yang mencatat kedudukan rizab antarabangsa paling rendah (RM357.7 bilion; USD94.7 bilion; 7.4; 1.0). Selain itu, usaha turut diberi perhatian bagi menambahbaik penyampaian perkhidmatan awam supaya memudahkan sektor swasta bagi memacu pertumbuhan ekonomi; serta memperkukuh penglibatan usahawan termasuk perusahaan kecil dan sederhana dalam kegiatan ekonomi.

4. Pada 20 Januari dan 14 September 2015, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah proaktif berikutan kebimbangan terhadap cabaran luar. Langkah ini adalah bukti kepada komitmen Kerajaan bagi memastikan ekonomi negara sentiasa berada dalam keadaan yang stabil serta mampu bertindak balas dengan segera sekiranya berlaku perkara di luar jangkaan.